NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60 **21hb Julai 2016** **No. 15**

No. 544.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957
[*Akta 61*]

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957
[*Act 61*]

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

MENURUT arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang (3) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

PURSUANT to instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (3) of the Schedule are requested to claim their deposits which have remained unclaimed for more than twelve months from the Penang State Secretary Office for the amount specified in column (7) of the Schedule. If the deposits are not claimed within a period of three months from the date of publication of the notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/*SCHEDULE*

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
No.	*Deposit Account Code*	*Name of Depositor*	*Receipt Number/ Date*	*Depositor Statement Number/ Date*	*Date that Deposit Should Be Returned*	*Amount*
						(RM)
1.	71208	Tan Sai Jou	312520/ 17-1-2001	101/17-1-2001	17-1-2002	5,000.00
2.	71208	Asian Granduer	316999/ 9-2-2001	225/9-2-2001	9-2-2002	1,000.00
3.	71208	Maznah binti Sulaiman	317880/ 15-2-2001	333/15-2-2001	15-2-2002	300.00
4.	71208	Silvaram a/l Nielamagam	3921/ 18-5-2001	924/18-5-2001	18-5-2002	3,000.00
5.	71208	Asas Dunia Berhad	19344/ 4-9-2001	—	4-9-2002	5,000.00
6.	71208	Tan Kuan Hak	517770/ 7-3-2002	532/7-3-2002	7-3-2003	50.00
7.	71208	H'ng Choon Chai	8069/ 11-3-2002	500/11-3-2002	11-3-2003	4.10
8.	71208	Yahaya bin Md Zain	8012/ 11-3-2002	550/11-3-2002	11-3-2003	20.00
9.	71208	Yahaya bin Md Zin	8015/ 11-3-2002	580/11-3-2002	11-3-2003	30.00
10.	71208	Cheoh Baak Ho	31030/ 15-4-2002	—	15-4-2003	20.00
11.	71208	Tan Sai Joo	314925/ 3-6-2002	—	3-6-2003	2,000.00
12.	71208	Ong Swee Soon	314640/ 10-6-2002	—	10-6-2003	10.00
13.	71208	Ong Swee Soon	314641/ 10-6-2002	—	10-6-2003	20.00
14.	71208	Mat Rodzi bin Ali	314666/ 10-6-2002	—	10-6-2003	20.00
15.	71208	Md Akib bin Jaafar	314846/ 17-6-2002	—	17-6-2003	10.00
16.	71208	Md Akib bin Jaafar	314848/ 17-6-2002	—	17-6-2003	20.00
17.	71208	Md Akib bin Jaafar	314850/ 17-6-2002	—	17-6-2003	10.00

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
No.	*Deposit Account Code*	*Name of Depositor*	*Receipt Number/ Date*	*Depositor Statement Number/ Date*	*Date that Deposit Should Be Returned*	*Amount*
						(RM)
18.	71208	Aminah binti Sulaiman	310115/ 14-11-2002	—	14-11-2003	200.00
19.	71208	Suhaimi & Partners	310310/ 20-2-2002	—	20-2-2003	250.00
20.	71208	Tan Ah Baa @ Tan Chye Choon	311935/ 27-10-2003	—	27-10-2004	3,000.00
21.	71208	Amity Excel S/B	323332/ 29-1-2003	—	29-1-2004	1,000.00
22.	71208	H'ng Yong Kheng	324808/ 6-2-2003	—	6-2-2004	3,000.00
23.	71208	Nibong Tebal Paper Mills S/B	326151/ 27-2-2003	—	27-2-2004	5,000.00
24.	71208	Abd Aziz bin Abdul Rahman	328023/ 15-7-2003	—	15-7-2004	3,000.00
25.	71208	Tuan Haji Yahya Hashim	316675/ 16-7-2003	—	16-7-2004	500.00
26.	71208	Zakiah binti Mat Rabee	316691/ 17-7-2003	—	17-7-2004	70.00
27.	71208	Uda Holdings Bhd.	317596/ 5-9-2003	1439/5-9-2003	5-9-2004	3,000.00
28.	71208	JKP S/B	317597/ 5-9-2003	1438/5-9-2003	5-9-2004	3,000.00
29.	71208	Motif Unik S/B	318973/ 10-11-2003	1826/10-11-2003	10-11-2004	5,000.00
30.	71208	Welepeq Sdn. Bhd.	323374/ 13-2-2003	1958/13-2-2003	13-2-2004	1,000.00
31.	71208	Aziz bin Wan Chik	322981/ 28-1-2004	165/28-1-2004	28-1-2005	2,000.00
32.	71208	Tan Ah Baa @ Tan Chye Khoon	314418/ 10-2-2004	268/10-2-2004	10-2-2005	20,000.00
33.	71208	Teoh Siong Tai & Tung Soon Guat	329296/ 16-3-2004	514/16-3-2004	16-3-2005	5,000.00

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Jumlah
No.	*Deposit Account Code*	*Name of Depositor*	*Receipt Number/ Date*	*Depositor Statement Number/ Date*	*Date that Deposit Should Be Returned*	*Amount*
						(RM)
34.	71208	Penang Cristion Cemeteries Assoc.	320380/ 30-3-2004	663/30-3-2004	30-3-2005	5,000.00
35.	71208	Mashas Enterprise	310499/ 7-4-2004	707/7-4-2004	7-4-2005	1,000.00
36.	71208	Teoh Ang Thung	321894/ 22-4-2004	809/22-4-2004	22-4-2005	5,000.00
37.	71208	T/N Langkah Anggun Sdn. Bhd.	317597/ 13-8-2004	1507/13-8-2004	13-8-2005	10,000.00
38.	71208	Hasjuara (M) Sdn. Bhd.	318850/ 14-10-2004	1801/14-10-2004	14-10-2005	30,000.00
39.	71208	Puncak Mekar Bina Sdn. Bhd.	317556/ 1-3-2005	70559/1-3-2005	1-3-2006	5,000.00
40.	71208	T/N Creatice Leisure Sdn. Bhd.	328218/ 7-6-2005	71365/7-6-2005	7-6-2006	5,000.00
41.	71208	Pengarah Motif Unik Sdn. Bhd.	3112812/ 23-11-2005	72684/23-11-2005	23-11-2006	5,000.00
42.	71208	Pengarah Yuen Foong Sdn. Bhd.	3130005/ 26-12-2005	72955/26-12-2005	26-12-2006	10,000.00
					Jumlah	147,534.00

Bertarikh 21 Jun 2016

Dated 21 June 2016

[Bil.(7) dlm. PTSPS/F/231/2001; PUNPP 352/100/1/2/EA/24 Jld. 3]

MOHD ALI BIN HAJI SEBRAN
Pegawai Daerah
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang/
District Officer
South Province Wellesley
Penang

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

No. 545.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI TANAH LOT 791 (LOT LAMA 391(1)) GERAN 2421, BAYAN BARU, PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2014 telah membincangkan tentang Tanah Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

(i) Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang adalah sebagai wakaf berdasarkan "*Deed Poll*" bertarikh 6-9-1882 dan "*Indenture*" bertarikh 5-6-1908 seperti yang berikut:

(a) "*Deed Poll*" bertarikh 6-9-1882

Isi kandungan penting—*Dibuat di antara Hajee Driss bin Shaikoo dan Saibah bintee Noohmin dengan Hajee Abdul Rasheed. Dengan balasan sebanyak $1, diserah hak ke atas Hajee Abdul Rasheed dalam amanah sebidang tanah dalam Daerah Bayan Lepas, Pulau Pinang grant No. 2421.Untuk dipegang tanah tersebut dan setiap bahagiannya …… kepunyaan Hajee Abdul Rasheed tersebut, waris-waris dan diserah hak dalam amanah ('in trust') dan untuk kegunaan sebuah masjid, kegunaan umum untuk upacara keugamaan dan tanah perkuburan komuniti Mohamad penduduk Bayan Lepas.*

(b) "*Indenture*" bertarikh 5-6-1908

Isi kandungan penting—*Dibuat di antara Saheemah binti Haji Abdul Karim (Balu kepada Hajee Abdul Rasheed) dan Hajee Mohamed bin Hajee Abdul Rasheed pada masa selepas kematian Hajee Abdul Rasheed. (Pada akhir perenggan 'Conveyance' ini), " …… tertakluk kepada kandungan Deed Poll bertarikh 6-9-1882 yang dibuat oleh Hajee Driss dan isterinya Saibah kepada Hajee Abdul Rasheed untuk tujuan kegunaan sebuah masjid".*

(ii) Jual beli tanah wakaf tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil seperti yang berikut:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma:*

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبي ﷺ يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر ، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث.

(رواه البخاري)

Maksudnya: *"Bahawasanya Saidina Umar bin al-Khathab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam (untuk) menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?". Rasulallah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."*

Dibuat 18 Februari 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI TANAH LOT 791 (LOT LAMA 391(1)) GERAN 2421, BAYAN BARU, PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2014 telah membincangkan tentang Tanah Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

(i) Lot 791 (Lot Lama 391(1)) Geran 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang adalah sebagai wakaf berdasarkan "Deed Poll" bertarikh 6-9-1882 dan "Indenture" bertarikh 5-6-1908 seperti yang berikut:

(a) "Deed Poll" bertarikh 6-9-1882

Isi kandungan penting—*Dibuat di antara Hajee Driss bin Shaikoo dan Saibah bintee Noohmin dengan Hajee Abdul Rasheed. Dengan balasan sebanyak $1, diserah hak ke atas Hajee Abdul Rasheed dalam amanah sebidang tanah dalam Daerah Bayan Lepas, Pulau Pinang grant No. 2421.Untuk dipegang tanah tersebut dan setiap bahagiannya …… kepunyaan Hajee Abdul Rasheed tersebut, waris-waris dan diserah hak dalam amanah ('in trust') dan untuk kegunaan sebuah masjid, kegunaan umum untuk upacara keugamaan dan tanah perkuburan komuniti Mohamad penduduk Bayan Lepas.*

(b) "*Indenture*" bertarikh 5-6-1908

Isi kandungan penting—*Dibuat di antara Saheemah binti Haji Abdul Karim (Balu kepada Hajee Abdul Rasheed) dan Hajee Mohamed bin Hajee Abdul Rasheed pada masa selepas kematian Hajee Abdul Rasheed. (Pada akhir perenggan 'Conveyance' ini), " …… tertakluk kepada kandungan Deed Poll bertarikh 6-9-1882 yang dibuat oleh Hajee Driss dan isterinya Saibah kepada Hajee Abdul Rasheed untuk tujuan kegunaan sebuah masjid".*

(ii) Jual beli tanah wakaf tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil seperti yang berikut:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma:*

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبي ﷺ يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر ، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث.

(رواه البخاري)

Maksudnya: "*Bahawasanya Saidina Umar bin al-Khathab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam (untuk) menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?". Rasulallah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."*

Dibuat 18 February 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Chairman of the Fatwa Committee
State of Penang

اينكمن فنتدبيرن اڬام اسلام
(نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سكشن 48

فد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) [*اينكمن 2*]، اتس ڤر كنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ, ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي تانه لوت 791 (لوت لاما 391 (1)) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيل. 2014/3 تله ممبينچڠكن تنتڠ تانه لوت 791 (لوت لاما 391 (1)) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسكن سڤرتي يڠ برايكوت:

(i) لوت 791 (لوت لاما 391 (1)) ڬرنت 2421، بيان بارو، ڤولاو ڤينڠ اداله سباڬاي **واقف** برداسركن "*Deed Poll*" برتاريخ 6.9.1882 دان "Indenture" برتاريخ 5.6.1908 سڤرتي يڠ برايكوت:

(a) "*Deed Poll*" برتاريخ 6.9.1882

ايسي كندوڠن ڤنتيڠ - دبوات د انتارا Hajee Driss Bin Shaikoo دان Saibah Bintee Noohmin دڠن Hajee Abdul Rasheed. دڠن بالسن سباڤق $1، دسراه حق كأتس Hajee Abdul Rasheed دالم أمانه سبيدڠ تانه دالم دايره بيان لڤس، ڤولاو ڤينڠ ڬرنت 2421. اونتوق دڤڬڠ تانه ترسبوت دان ستياڤ بهاڬينڽ..... كڤوڽان Hajee Abdul Rasheed ترسبوت، واريث-واريث دان دسراه حق دالم أمانه ('in trust') دان اونتوق ككونأن سبواه مسجد، ككونأن عموم اونتوق أوڤاچارا كأڬامأن دان تانه ڤرقبورن كومونيتي محمد ڤندودوق بيان لڤس.

(b) "*Indenture*" برتاريخ 5.6.1908

ايسي كندوڠن ڤنتيڠ - دبوات د انتارا Saheemah Binti Haji Abdul Karim (بالو كڤد Hajee Abdul Rasheed) دان Hajee Mohamad bin Hajee Abdul Rasheed ڤد ماس سلڤس كماتين Hajee Abdul Rasheed. (ڤد اخير ڤرڠكن 'Conveyance' اين)،".....**ترتعلوق كڤد كندوڠن *Deed Poll* برتاريخ 6.9.1882 يڠ دبوات اوليه Hajee Driss دان استريڽ Saibah كڤد Hajee Abdul Rasheed اونتوق توجوان ككونأن سبواه مسجد".**

(ii) جوال بلي تانه واقف ترسبوت اداله تيدق صح مڠيكوت حكوم شرع برداسركن دليل سڤرتي يڠ برايكوت:

دروايتكن درڤد ابن عمر رضى الله عنهما:

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضا بخيبر، فأتى النبي ﷺ يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضا بخيبر ، لم أصب مالا قط هو أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث.

(رواه البخاري)

مقصودڽ : "بهاواسڽ سيدنا عمر بن الخطاب ممڤوڽاءي سكڤيڠ تانه د خيبر، مك بلياو داتڠ منموءي نبي ﷺ (اونتوق) منريما ارهن بڬيندا مڠناءي اڤ يڠ ڤرلو دلاكوكنڽ دڠن تانه ترسبوت. بلياو بركات : "واهاي رسول الله، سسوڠڬوهڽ اكو ممڤوڽاءي سكڤيڠ تانه د خيبر، اكو تيدق ممڤوڽاءي هرتا يڠ تيڠڬي نيلايڽ درڤد تانه ايت، مك اڤ يڠ اڠكاو ڤرينتهكن (كڤداكو) مڠناءي تانه ايت؟". رسول الله ﷺ منجواب: "جك اڠكاو ماهو، تاهن (تيدق دڬوناڤكاي) دان صدقه منفعتڽ (دڠن برواقف). مك عمر برصدقه دڠن تانه ترسبوت، تيدق بوليه دجوال، تيدق بوليه دهديهكن دان تيدق بوليه دواريثكن".

دبوات 18 Februari 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(35); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دڠن تيته ڤرينته

داتوء دكتور وان سالم بن وان محمد نور
ڤڠروسي جاوتنكواس فتوى
نڬري ڤولاو ڤينڠ

No. 340.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

2. Fatwa Mengenai "Ajaran Tok Mat Janggut" yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 157. bertarikh 8 Jun 2000 dibatalkan menurut kuasa subseksyen 50(1) Enakmen 2.

JADUAL

AJARAN TOK MAT JANGGUT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang hukum mengenai Ajaran Tok Mat Janggut menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

1. Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) telah menyeleweng daripada pendekatan biasa yang digunakan oleh ulama dalam pengajian akidah Islam bagi mengenal Allah S.W.T. iaitu dengan mengkehendaki semua orang mesti mengenal Allah S.W.T. melalui kaedah yang dibawa olehnya. Dia menghendaki setiap orang perlu mengenal hakikat Allah S.W.T. sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan *"wa ma rabbu al-'Alamin"* (وما رب العالمين) dan menolak kaedah mengenal Allah S.W.T. menerusi Pengajian Sifat 20.

2. Dia telah mewajibkan setiap orang agar mempelajari ilmu ketuhanan menurut pendekatan beliau, sedangkan mengikut ulama Ahlu Sunnah Wal Jama'ah seperti Imam al-Ghazali, orang awam hanya dikehendaki mempercayai kewujudan Allah S.W.T. berdasarkan dalil-dalil yang mudah difahami sahaja dan mereka hanya patut menumpukan perhatian kepada aspek alam ibadat tanpa dibebankan dengan kewajipan memahami pendalilan akal yang rumit dan sukar difahami.

3. Dia menyatakan Allah S.W.T. dengan menggunakan ungkapan *"ma"* (ما) sebagai ganti nama kepada Allah S.W.T. berpandukan ayat 23, surah al-Syu'ara': **قال فرعون وما رب العالمين** iaitu Allah S.W.T. disifatkan sebagai "apa", sedangkan dia seorang yang jahil tentang agama dan tidak memahami bahasa Arab.

4. Dia menggunakan ungkapan *"ma rabbuka"* (ما ربك) pada persoalan Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur dan bukannya *"man rabbuka"* (مَن ربك) sedangkan hadis-hadis berkaitan soalan kubur adalah menggunakan ungkapan *"man rabbuka"* (مَن ربك) Ungkapan *"ma rabbuka"* (ما ربك) di dalam ayat 23, Surah al-Syu'ara adalah merupakan ungkapan ayat yang digunakan oleh Firaun terhadap Nabi Musa a.s. yang dinukilkan dalam al-Quran.

5. Ungkapan *"ma rabbuka"* (ما ربك) sebenarnya tiada dalam lafaz hadis yang sahih kerana ungkapan yang betul ialah *"man rabbuka"* (مَن ربك) dan di antara Hadis Nabi S.A.W. yang dimaksudkan ialah;

(*a*) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - ﷺ - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: ((فيأتيه ملكان شديدًا الانتهار، فيَنتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: **مَن ربك؟** ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل -: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ) [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيِّي محمد - ﷺ - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))؛ (السلسلة الصحيحة: 3/1391)

(*b*) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجْلس في قبره، فيقال له: **مَن ربُّك؟** فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: مَن نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - ﷺ - فيقال له ذلك مرات، ثم يُفتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زغت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجَنَّة إذ ثبتَّ، وإذا مات الكافر أُجْلس في قبره، فيقال له: **من ربك؟** ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجَنَّة لو ثبتَّ، ثم يُفتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زغت، فذلك قوله تعالى: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]"

6. Dia menggunakan ungkapan "tubuh Allah" di dalam pengajarannya. Kenyataan ini adalah tidak layak bagi Allah S.W.T., sekalipun beliau menafikan Tuhan adalah sama dengan makhlukNya. Ini kerana Allah S.W.T. tidak berjisim. Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab *al-Luma'*, karangan Abu Hassan Al-Asya'ari (terjemahan):

   "Masalah: sekiranya seseorang berkata atau bertanya, "Kenapakah kamu mengingkari (tidak menerima) bahawa Allah S.W.T. itu adalah jisim?" Dikatakan (dijawab) baginya, "Kami mengingkarinya kerana orang yang berpendapat bahawa Allah S.W.T. berjisim (pastinya menisbahkan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar dan luas (ini sifat-sifat bagi jisim). Sedangkan (penisbahan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar; luas dan dalam adalah tidak harus (haram kerana menyerupai makhluk). Demikian juga berhimpun dan (bercerai) yang biasanya disebut sebagai ciri-ciri jisim tidak harus (dinisbahkan kepada Allah S.W.T.), dan jika dia kehendaki (dengan soalannya tadi), kenapakah tidak kamu namakan dia (Allah S.W.T.) itu sebagai jisim walaupun tidaklah ia (Allah S.W.T.) itu panjang, lebar dan berhimpun? Maka (jawabnya) nama-nama itu tidaklah boleh (disandarkan) kepada kita. Dan tidaklah harus kita namakan Allah S.W.T. itu dengan satu nama yang Allah S.W.T. sendiripun tidak menamakan zatNya dengan nama tersebut, dan tidak juga Rasulnya menamakan sebegitu, dan tidak juga umat Islam ijma' atasnya dan tidak juga atas pengertiannya…"

7. Dia menyatakan zat Allah S.W.T. menyelinap masuk atau sebati atau meliputi dengan segala zat yang baharu (kena jadi) berdalilkan dari surah Al-Nisa' ayat 126:

   وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُحِيطًا

   Maksudnya: Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuannya dan kekuasaannya) akan tiap-tiap sesuatu.

8. Dia memperlekehkan ulama Usuluddin dan kitab-kitab mereka yang muktabar.

9. Menolak penggunaan kaedah hitungan Ilmu Falak dalam menentukan waktu solat dan puasa sebaliknya menggunakan kaedah melihat *(rukyah)* semata-mata.

10. Ajaran ini mengandungi penyelewengan dari sudut Aqidah dan Syariah serta perlu dihalang kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat, berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i*. Pendekatan yang dibawa juga bercanggah dengan pendekatan ulama yang menyatakan bahawa kaedah untuk mengenal Allah S.W.T. mestilah mengikut tahap kemampuan akal manusia. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang telah mempelajari dan mengamalkan ajaran Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkannya dan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 10 Disember 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3(11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

Revocation

2. The Fatwa on *"Ajaran Tok Mat Janggut"* published in *Gazette* Notification No. 157. dated 8 June 2000 is revoked pursuant to the powers of subsection 50(1) of Enactment 2.

SCHEDULE

AJARAN TOK MAT JANGGUT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2015 telah membincangkan tentang hukum mengenai Ajaran Tok Mat Janggut menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

1. *Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) telah menyeleweng daripada pendekatan biasa yang digunakan oleh ulama dalam pengajian akidah Islam bagi mengenal Allah S.W.T. iaitu dengan mengkehendaki semua orang mesti mengenal Allah S.W.T. melalui kaedah yang dibawa olehnya. Dia menghendaki setiap orang perlu mengenal hakikat Allah S.W.T. sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan "wa ma rabbu al-'Alamin" (وما رب العالمين) dan menolak kaedah mengenal Allah S.W.T. menerusi Pengajian Sifat 20.*

2. *Dia telah mewajibkan setiap orang agar mempelajari ilmu ketuhanan menurut pendekatan beliau, sedangkan mengikut ulama Ahlu Sunnah Wal Jama'ah seperti Imam al-Ghazali, orang awam hanya dikehendaki mempercayai kewujudan Allah S.W.T. berdasarkan dalil-dalil yang mudah difahami sahaja dan mereka hanya patut menumpukan perhatian kepada aspek alam ibadat tanpa dibebankan dengan kewajipan memahami pendalilan akal yang rumit dan sukar difahami.*

3. *Dia menyatakan Allah S.W.T. dengan menggunakan ungkapan "ma" (ما) sebagai ganti nama kepada Allah S.W.T. berpandukan ayat 23, surah al-Syu'ara': قال فرعون وما رب العالمين iaitu Allah S.W.T. disifatkan sebagai "apa", sedangkan dia seorang yang jahil tentang agama dan tidak memahami bahasa Arab.*

4. *Dia menggunakan ungkapan "ma rabbuka" (ما ربك) pada persoalan Malaikat Mungkar dan Nakir di dalam kubur dan bukannya "man rabbuka" (من ربك) sedangkan hadis-hadis berkaitan soalan kubur adalah menggunakan ungkapan "man rabbuka" (من ربك). Ungkapan "ma rabbuka" (ما ربك) di dalam ayat 23, Surah al-Syu'ara adalah merupakan ungkapan ayat yang digunakan oleh Firaun terhadap Nabi Musa a.s. yang dinukilkan dalam al-Quran.*

5. *Ungkapan "ma rabbuka" (ما ربك) sebenarnya tiada dalam lafaz hadis yang sahih kerana ungkapan yang betul ialah "man rabbuka" (مَن ربك) dan di antara Hadis Nabi S.A.W. yang dimaksudkan ialah;*

(*a*) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - ﷺ - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: ((فيأتيه ملكان شديدًا الانتهار، فيَنتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: **مَن ربك؟** ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل -: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ) [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيِّي محمد - ﷺ - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))؛ (السلسلة الصحيحة: 3/1391)

(*b*) عن أبي قتادة - رضي الله عنه - في قوله تعالى: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]، قال: "إن المؤمن إذا مات أُجلس في قبره، فيقال له: **مَن ربُّك؟** فيقول: الله - عز وجل، فيقال له: مَن نبيك؟ فيقول: محمد بن عبدالله - ﷺ - فيقال له ذلك مرات، ثم يُفتح له باب إلى النار، فيقال له: انظر إلى منزلك من النار لو زغت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى منزلك من الجَنَّة إذ ثبتَّ، وإذا مات الكافر أُجلس في قبره، فيقال له: **من ربك؟** ومن نبيك؟ فيقول: لا أدري، كنت أسمع الناس يقولون، فيقال له: لا دريت، ثم يُفْتح له باب إلى الجَنَّة، فيقال له: انظر إلى مجلسك من الجَنَّة لو ثبتَّ، ثم يُفتح له باب إلى النار فيقال له: انظر إلى منزلك من النار إذ زغت، فذلك قوله تعالى: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ) [إبراهيم: 27]"

6. *Dia menggunakan ungkapan "tubuh Allah" di dalam pengajarannya. Kenyataan ini adalah tidak layak bagi Allah S.W.T., sekalipun beliau menafikan Tuhan adalah sama dengan makhlukNya. Ini kerana Allah S.W.T. tidak berjisim. Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab al-Luma', karangan Abu Hassan Al-Asya'ari (terjemahan):*

"Masalah: sekiranya seseorang berkata atau bertanya, "Kenapakah kamu mengingkari (tidak menerima) bahawa Allah S.W.T. itu adalah jisim?" Dikatakan (dijawab) baginya, "Kami mengingkarinya kerana orang yang berpendapat bahawa Allah S.W.T. berjisim (pastinya menisbahkan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar dan luas (ini sifat-sifat bagi jisim). Sedangkan (penisbahan Allah S.W.T.) dengan panjang, lebar; luas dan dalam adalah tidak harus (haram kerana menyerupai makhluk). Demikian juga berhimpun dan (bercerai) yang biasanya di sebut sebagai ciri-ciri jisim tidak harus (dinisbahkan kepada Allah S.W.T.), dan jika dia kehendaki (dengan soalannya tadi), kenapakah tidak kamu namakan dia (Allah S.W.T.) itu sebagai jisim walaupun tidaklah ia (Allah S.W.T.) itu panjang, lebar dan berhimpun? Maka (jawabnya) nama-nama itu tidaklah boleh (disandarkan) kepada kita. Dan tidaklah harus kita namakan Allah S.W.T. itu dengan satu nama yang Allah S.W.T. sendiripun tidak menamakan zayNya dengan nama tersebut, dan tidak juga Rasulnya menamakan sebegitu, dan tidak juga umat Islam ijma' atasnya dan tidak juga atas pengertiannya…"

7. *Dia menyatakan zat Allah S.W.T. menyelinap masuk atau sebati atau meliputi dengan segala zat yang baharu (kena jadi) berdalilkan dari surah Al-Nisa' ayat 126:*

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُحِيطًا

Maksudnya: Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuannya dan kekuasaannya) akan tiap-tiap sesuatu.

8. *Dia memperlekehkan ulama Usuluddin dan kitab-kitab mereka yang muktabar.*

9. *Menolak penggunaan kaedah hitungan Ilmu Falak dalam menentukan waktu solat dan puasa sebaliknya menggunakan kaedah melihat (rukyah) semata-mata.*

10. *Ajaran ini mengandungi penyelewengan dari sudut Aqidah dan Syariah serta perlu dihalang kerana ia membawa kekeliruan kepada masyarakat, berdasarkan kaedah sadd al-zara'i. Pendekatan yang dibawa juga bercanggah dengan pendekatan ulama yang menyatakan bahawa kaedah untuk mengenal Allah S.W.T. mestilah mengikut tahap kemampuan akal manusia. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang telah mempelajari dan mengamalkan ajaran Muhamad bin Othman (Tok Mat Janggut) di mana-mana jua berada hendaklah meninggalkannya dan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.*

Made 10 December 2015
[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3(11); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR
Chairman of the Fatwa Committee
State of Penang

اينكمن فنتدبيرن اڬام اسلام

(نڬري ڤولاو فينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ) [*اينكمن 2*]، اتس ڤر كنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ, ممبوات فتوى يڠ دڽاتاكن دالم جدوال.

ڤمبطلن

2. فتوى مڠناءي "اجرن توق مت جڠكوت" يڠ دسيارکن دالم ڤمبريتاهوان ورتا نومبور 157. برتاريخ 8 جون 2000 دبطلکن منوروت کواس سوبسيکشن 50(1) اينقمن 2.

جدوال

اجرن توق مت جڠكوت

مشوارت جاوتنکواس فتوى نکري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2015/2 تله ممبينچڠکن تنتڠ حکوم اجرن توق مت جڠكوت منوروت ڤنداڠن شرع دان مموتوسکن سڤرتي يڠ برايکوت:

1. محمد بن عثمان (توق مت جڠكوت) تله مڽلويڠ درڤد ڤندکتن بياسا يڠ دکوناکن اوليه علماء دالم ڤڠاجين عقيدة اسلام باکي مڠنل الله سبحان وتعالى ايايت دڠن مڠکهندقي سموا اورڠ مستي مڠنل الله سبحان وتعالى ملالوءي قاعده يڠ دباوا اوليهڽ. دي مڠهندقي ستياڤ اورڠ ڤرلو مڠنل حقيقة الله سبحان وتعالى سباکايمان يڠ ترکندوڠ دالم اوڠکاڤن "wa ma rabbu al-'Alamin" (وما رب العالمين) دان منولق قاعده مڠنل الله سبحان وتعالى منروسي ڤڠاجين صفة 20 .

2. دي تله مواجبکن ستياڤ اورڠ اکر ممڤلاجري علمو کتوهانن منوروت ڤندکتن بلياو، سداڠکن مڠيکوت علماء اهل السنة والجماعة سڤرتي امام الغزالي، اورڠ عوام هاڽ دکهندقي منڤرچايأي کوجودن الله سبحان وتعالى برداسرکن داليل-داليل يڠ موده دفهمي سهاج دان مريك هاڽ ڤاتوت منومڤوکن ڤرهاتين کڤد اسڤيك عمل عبادت تنڤا دببنکن دڠن کواجيڤن ممهمي ڤنداليلن عقل يڠ روميت دان سوکر دفهمي .

3. دي مڽاتاکن الله سبحان وتعالى دڠن مڠکوناکن اوڠکاڤن "ma" (ما) سباکاي کنتي نام کڤد الله سبحان وتعالى برڤندوکن ايات 23، سوره الشعراء: (قال فرعون وما رب العالمين) ايايت الله سبحان وتعالى دصيفتکن سباکاي "اڤ"، سداڠکن دي سأورڠ يڠ جاهيل تنتڠ اکام دان تيدق ممهمي بهاس عرب.

4. دي مڠکوناکن اوڠکاڤن "ma rabbuka" (ما ربك) ڤد ڤرسوالن ملائکة موڠکر دان نکير ددالم قبور دان بوکنڽ "man rabbuka" (مَن ربك) سداڠکن حديث-حديث برکاءيتن سؤالن قبور اداله مڠکوناکن اوڠکاڤن "man rabbuka" (مَن ربك). اوڠکاڤن " ma rabbuka" (ما ربك) د دالم ايات 23، سوره الشعراء اداله مروڤاکن اوڠکاڤن ايات يڠ دکوناکن اوليه فرعون ترهادڤ نبي موسى عليه السلام يڠ دنوکيلکن دالم القرءان .

5. اوڠكاڤن "ma rabbuka" (ما ربك) سبنرڽ تياد دالم لفظ حديث يڠ صحيح كران اوڠكاڤن يڠ بتول ايالە "man rabbuka" (مَن ربك) دان د انتارا حديث نبي ﷺ يڠ دمقصودكن ايالە ;

(a) عن البراء بن عازب حينما تكلم النبي - ﷺ - عن المؤمن وتعرضه للفتنة في القبر فقال: (فيأتيه ملكان شديدًا الانتهار، فيَنتهرانه ويُجلسانه، فيقولان له: **مَن ربك؟** ما دينك؟ من نبيك؟ وهي آخر فتنة تعرض على المؤمن، فذلك حين يقول الله - عز وجل: (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ) [إبراهيم: 27]، فيقول: ربي الله، وديني الإسلام، ونبيِّي محمد - صلى الله عليه وسلم - فينادي منادٍ من السماء أن صدق عبدي))
(السلسلةالصحيحة:1391/3)

